

# Perdana Menteri tiba hadiri Asem 4

11 SEP 2000

COPENHAGEN, Ahad - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diiringi Datin Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Copenhagen di Kastrupp, pada jam 11.50 pagi ini untuk menghadiri Mesyuarat Asia Eropah Keempat (Asem 4).

Ketibaan beliau dari London dengan pesawat khas disambut Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak;

Duta Malaysia ke Sweden (ditauliahkan ke Denmark), Datuk Syeed Sultan Seni Pakir dan Duta Denmark ke Malaysia, Lasse Reimann.

Dr Mahathir akan berada di sini selama tiga hari menghadiri Asem 4 yang turut disertai ketua negara dari 24 negara Asia dan Eropah.

Asia diwakili Malaysia, Brunei, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Korea Selatan, Jepun dan China.

Wakil Eropah ialah 15 negara anggota Kesatuan Eropah (EU) dan Suruhanjaya Eropah (EC), iaitu Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greek, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Sepanyol, Sweden, United Kingdom dan EC.

Mesyuarat kali ini akan membincangkan isu keselamatan selepas peristiwa 11 September tahun lalu, keganasan antarabangsa dan jenayah merentasi sempadan, selain langkah memulihkan ekonomi, kerjasama pelaburan dan perdagangan.

Asem 4 juga membincangkan isu membabitkan Semenanjung Korea, Asean+3 dan pembesaran keanggotaan EU.

Perdana Menteri juga dijadualkan mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Perancis, Jacques Chirac; Perdana Menteri Itali, Silvio Berlusconi dan Presiden EC, Romano Prodi.

Menurut jurucakap Kementerian Luar, Dr Mahathir akan membawa isu keselamatan Presiden Palestin Yasser Arafat untuk mendapat sokongan dan mendesak Israel menamatkan kepungan terhadapnya.